

BAB II

SOROTAN BAHAN BERTULIS


2.0 Pengenalan

Di dalam bab ini, model '*social psychological*' oleh Lambert (1963 a, b) dan model '*sosio-educational*' oleh Gardner (1985) akan dikemukakan. Kemudian, beberapa konsep mengenai orientasi dan motivasi, orientasi integratif dan orientasi instrumental akan dibincangkan. Kajian mengenai sikap, motivasi dan pencapaian juga akan dilihat.

2.1 Model '*Social Psychological*' oleh Lambert

Gardner (1985) merupakan salah seorang pelopor dalam kajian sikap bahasa. Beliau mengatakan bahawa pembelajaran bahasa kedua adalah fenomena sosial psikologi. Gardner juga menegaskan bahawa adalah penting untuk mempelajari keadaan di mana fenomena mengambil alih dan pembolehubah yang mempengaruhi bagaimana seorang pembelajar mempelajari bahasa kedua. Pernyataan Gardner ini dipengaruhi oleh konsep '*social psychological*' Lambert (1963 a,b). Bagi memudahkan pemahaman konsep tersebut, Gardner (1985) telah membentuk konsep tersebut kepada bentuk model. Model teori Lambert sebahagian besar memfokuskan kepada peranan yang dimainkan oleh faktor-faktor afektif. Faktor-faktor ini digambarkan dalam Rajah 2.0

Rajah 2.0 menunjukkan elemen-elemen utama di dalam model psikologi-sosial pemerolehan bahasa kedua. Gardner (1985) berpendapat bahawa 'darjah kejayaan individu dalam memperolehi bahasa kedua adalah bergantung kepada kecenderungan etnosentrik, sikap terhadap komuniti lain, orientasi terhadap pembelajaran bahasa dan motivasi' (ms. 133).



Rajah 2.0 Model ‘Social Psychological’ (sumber: Gardner, 1985:133)

Dalam model ini, sikap dan orientasi, motivasi dan kecenderungan menunjukkan kesan secara langsung terhadap kecekapan bahasa oleh pelajar. Terdapat dua jenis orientasi yang berbeza iaitu integratif dan instrumental. Orientasi integratif merujuk kepada keinginan untuk mempelajari dan menjadi sebahagian dari komuniti budaya lain (Lambert 1963b:114). Orientasi instrumental pula menekankan tujuan/matlamat pembelajaran bahasa iaitu nilai utilitari pencapaian linguistik seperti kerjaya (ms. 114).

Orientasi integratif menitikberatkan penglibatan emosi dengan komuniti bahasa kedua manakala orientasi instrumental adalah sebaliknya. Walaubagaimanapun, (Lambert 1963b) menekankan bahawa terdapat beberapa orientasi yang lain. Sebagai contoh, seseorang itu mungkin mempelajari bahasa kedua untuk menjadi sebahagian dari komuniti bahasa agar dapat mengeksploitasi, memanipulasi atau mengawal dengan agenda personal mereka (Lambert, 1963b:114).

Dalam Rajah 2.0 sikap merujuk kepada apa-apa sahaja reaksi sikap yang melibatkan komuniti bahasa lain termasuk kecenderungan untuk bersikap non-etnosentrik (Gardner, 1985:134). Orientasi pula merujuk kepada apa-apa sahaja tujuan/penyebab mempelajari bahasa (ms. 134). Kecenderungan merujuk kepada apa jua kebolehan kognitif meliputi kepintaran dan kecenderungan bahasa (ms. 134). Motivasi merujuk kepada kombinasi usaha dengan keinginan untuk mencapai matlamat

pembelajaran dengan sikap yang baik terhadap pembelajaran bahasa. Berdasarkan Rajah 2.0, sikap dan orientasi digabungkan bersama sebagai satu unit dan ia dikatakan akan mempengaruhi tahap motivasi pelajar untuk mempelajari bahasa kedua. Manakala, sikap dan orientasi, kecenderungan dan motivasi akan memberi kesan kepada pencapaian bahasa (Gardner, 1985:134).

Menurut Gardner (1985), kecekapan dalam bahasa kedua akan membawa perubahan kepada identiti pembelajar bahasa kedua. Jika pembelajaran bahasa kedua tidak mempunyai tekanan atau mengurangkan kepentingan bahasa pertama, hasilnya adalah kepada '*additive bilingualism*'. Dalam beberapa kes, pembelajar bahasa kedua mungkin mengalami perubahan dalam diri sendiri (Gardner, 1985:134) tetapi mereka menunjukkan peningkatan yang positif.

Sebaliknya, sekiranya pembelajaran bahasa kedua melibatkan ancaman, ia mungkin menghasilkan '*subtractive bilingualism*'. Dalam proses pembelajaran bahasa, ancaman ini menimbulkan perasaan yang berhubung dengan kehilangan identiti budaya. Oleh yang demikian ia membawa kepada pengasingan.


Oleh itu, Gardner (1985) berpandangan model psikologi sosial oleh Lambert adalah sesuai digunapakai sebagai asas utama terhadap model '*socio-educational*' (seksyen 2.2) pemerolehan bahasa kedua yang dicadangkan oleh beliau. Ini adalah kerana, model ini menekankan ciri-ciri linguistik iaitu mengambil kira peranan perbezaan individu di dalam meningkatkan kecekapan bahasa (ms. 135).

2.2 Model '*Socio-Educational*' oleh Gardner

Model ini menekankan bahawa pembelajaran bahasa kedua adalah berlainan dengan subjek-subjek lain seperti matematik, sejarah dan geografi kerana ia melibatkan ciri-ciri budaya masyarakat lain (Gardner, 1985). Oleh itu, kejayaan individu di dalam

proses pembelajaran bahasa akan dipengaruhi oleh sikap dan pandangan mereka terhadap komuniti bahasa lain (ms. 146).

Gardner (1985) di dalam modelnya, menunjukkan bahawa proses pemerolehan bahasa melibatkan hubungan yang saling mempengaruhi di antara empat jenis pembolehubah iaitu '*social milieu*', perbezaan individu, konteks pemerolehan bahasa dan hasil. Model ini juga menekankan peranan perbezaan individu di dalam pemerolehan bahasa kedua. Pandangan teori ini digambarkan di dalam bentuk model '*socio-educational*' (Rajah 2.1).



Rajah 2.1 Model '*Sosio- Educational*' (sumber: Gardner, 1985:147)

Gardner (1985) berpendapat pemerolehan bahasa kedua adalah berperanan di dalam konteks budaya yang tertentu. Model ini menggambarkan bahawa pandangan akan kepentingan pembelajaran bahasa, kemahiran yang akan diperolehi dan peranan pelbagai perbezaan individu di dalam proses pembelajaran bahasa akan mempengaruhi pemerolehan bahasa kedua individu. Sebagai contoh sekiranya aspek budaya dikatakan

adalah aspek yang paling sukar di dalam mempelajari bahasa kedua maka, tahap pencapaian bahasa akan rendah (Gardner, 1985:146). Tahap pencapaian bahasa tersebut akan berkait dengan perbezaan individu seperti kepintaran, kecenderungan, motivasi dan/atau kebimbangan (ms. 146). Sebaliknya, tahap pencapaian bahasa akan tinggi apabila mengetahui akan kepentingan dan kebanyakan individu mempelajari bahasa kedua. Maka, pencapaian akan lebih berkait dengan kepintaran dan kecenderungan berbanding pembolehubah lain. Oleh itu, pandangan/persepsi terhadap sesuatu budaya bukan sahaja mempengaruhi tahap kecekapan di dalam bahasa kedua malahan mempengaruhi perbezaan individu di dalam pencapaian. Dalam kajian ini, pengkaji akan melihat kepentingan pelajar dalam mempelajari BS dan pandangan mereka terhadap budaya masyarakat Sepanyol melalui item orientasi integratif dan instrumental. Pengkaji juga akan mengenalpasti sama ada orientasi tersebut akan mempengaruhi tahap kecekapan bahasa pelajar.

Terdapat empat jenis perbezaan individu yang mempengaruhi pencapaian secara langsung iaitu kepintaran, kecenderungan bahasa, motivasi dan kebimbangan situasi. Terdapat pembolehubah lain seperti sikap dan personaliti, tetapi ia memberi kesan melalui salah satu pembolehubah ini. Bagi mencapai objektif kajian ini, pengkaji akan melihat pengaruh salah satu perbezaan individu tersebut iaitu motivasi ke atas pencapaian bahasa responden.

Kepintaran dianggap menentukan sejauh mana individu memahami apa jua tugas atau penjelasan yang terdapat di pembelajaran bahasa. Kecenderungan bahasa didefinisikan sebagai kebolehan pelajar untuk mempelajari bahasa kedua di dalam kelas akademik (Cook, 1991:100). Ia dilihat mempunyai pertalian dengan kepintaran. Motivasi pula merujuk kepada usaha, keinginan dan afek yang berkait dengan pembelajaran bahasa kedua (Gardner, 1985:147). Ia penting di dalam menentukan sejauh mana individu berusaha untuk memperolehi bahasa. Kebimbangan situasi adalah

berkait dengan bahasa itu sendiri dan ia boleh menjadi penghalang kepada pencapaian bahasa individu lantas mengganggu pemerolehan bahasa. Salah satu objektif kajian ini ialah bagi mengetahui tahap motivasi responden dalam mempelajari bahasa Sepanyol. Oleh itu, pengkaji akan menumpukan aspek motivasi ini melalui item kesungguhan motivasi, keinginan untuk mempelajari bahasa dan sikap terhadap pembelajaran bahasa sasaran yang terdapat di dalam '*Attitude/Motivation Test Battery*' (AMTB) (Gardner, 1985).

Konteks formal ialah pengajaran di dalam kelas sebagai objektif utama manakala konteks informal pula merujuk kepada situasi yang melibatkan bahasa kedua di mana pengajaran bukan matlamat utama tetapi bagi tujuan lain seperti hiburan atau komunikasi. Konteks formal boleh dilihat di dalam kelas bahasa, aktiviti yang berbentuk latihan atau latih tubi. Konteks informal adalah seperti mendengar radio, menonton filem, bertutur dengan orang lain dan membaca. Gardner (1985) menekankan perbezaan peranan yang dimainkan oleh empat pembolehubah berbeza individu ini di dalam pemerolehan bahasa. Oleh kerana, pengajaran adalah aspek utama di dalam konteks formal, keempat-empat pembolehubah berbeza individu ini boleh mempengaruhi proses pembelajaran bahasa. Pelajar boleh memilih atau tidak konteks informal dan yang mana satu akan lebih mempengaruhi ditentukan oleh darjah motivasi dan kebimbangan. Pelajar yang memilih konteks informal, tahap kepintaran dan kecenderungan akan mempengaruhi berapa banyak bahasa yang dipelajari. Ini ditunjukkan dalam Rajah 2.1 (garis putus-putus) yang menghubungkan kepintaran dan kecenderungan dengan konteks informal. Keempat-empat pembolehubah perbezaan individu ini adalah berkait dengan perbezaan di dalam pencapaian yang diperolehi dari konteks formal. Hubungan motivasi dan kebimbangan ke atas pencapaian dianggap lebih tinggi berbanding kepintaran dan kecenderungan bahasa yang diperolehi dari konteks informal. Oleh yang demikian, di dalam analisis kajian ini pengkaji hanya akan

mengenalpasti kebenaran hubungan di antara motivasi dengan pencapaian bahasa responden melalui analisis korelasi.

Dua jenis hasil (linguistik dan bukan linguistik) dilihat dari segi pengalaman pembelajaran bahasa kedua dan ia boleh berbeza bergantung kepada pengalaman di dalam kedua-dua konteks. Hasil linguistik merujuk kepada kecekapan bahasa kedua seperti pengetahuan perbendaharaan kata, tatabahasa, bunyi, kepetahan dan sebagainya (Gardner, 1985:149). Hasil bukan linguistik merujuk kepada sikap, nilai dan sebagainya yang dihasilkan dari pengalaman (ms. 149). Kedua-dua hasil ini memiliki implikasi yang penting kepada pengalaman pembelajaran bahasa yang seterusnya. Kedua-dua hasil ini adalah dipengaruhi oleh ciri-ciri kognitif yang utama (kepintaran dan kecenderungan bahasa) dan afektif (motivasi dan keseimbangan situasi).

Gardner (1985:146) menekankan bahawa model ini adalah bukan model yang muktamad tetapi ia banyak mengandungi ciri-ciri penting yang boleh diperolehi di dalam model ini. Terdapat banyak elemen-elemen lain yang harus diberi perhatian di dalam kajian pemerolehan bahasa kedua yang seterusnya (ms. 146). Model ini adalah dinamik di mana pembolehubah kognitif dan afektif mempengaruhi sikap di dalam persekitaran pembelajaran bahasa (ms. 149).

2.3 Orientasi dan Motivasi

Gardner (1985) telah membezakan secara jelas di antara orientasi dan motivasi. Beliau mendefinisikan orientasi sebagai 'tujuan bagi mempelajari bahasa kedua' (ms. 54) dan motivasi merujuk kepada 'tiga ciri-ciri kompleks yang boleh berkait atau tidak dengan apa jua orientasi. Ciri-ciri tersebut ialah sikap terhadap pembelajaran bahasa, keinginan untuk mempelajari bahasa dan kesungguhan motivasi' (ms. 54).

Dalam model '*socio-educational*' pemerolehan bahasa kedua oleh Gardner (1985), beliau menumpukan empat jenis pembolehubah yang mempunyai kaitan dengan

proses pemerolehan bahasa kedua yaitu persepsi budaya dalam '*social milieu*' di mana pembelajaran bahasa kedua berlaku, perbezaan individu seperti kepintaran, kecenderungan bahasa, motivasi dan kebimbangan situasi, konteks pemerolehan bahasa (formal dan bukan formal) dan hasil (hasil linguistik dan bukan linguistik). Berdasarkan kepada motivasi (atau lebih spesifik orientasi), Gardner menumpukan dua jenis orientasi iaitu integratif dan instrumental.

Orientasi integratif merujuk kepada penyebab individu mempelajari bahasa kedua bagi tujuan berinteraksi, mendekati atau memahami komuniti bahasa kedua (Gardner, 1985:54). Motivasi integratif merujuk kepada kemahuan atau keinginan untuk menjadi seperti ahli komuniti bahasa lain dan memiliki hubungan dengan masyarakat tersebut (Gardner dan Lambert, 1972:14). Mereka berusaha untuk berinteraksi dan berkomunikasi dengan penutur bahasa tersebut, bahkan diterima sebagai ahli komuniti pertuturan tersebut. Apabila seseorang menjadi penatap di dalam suatu komuniti yang baru, motivasi integratif adalah kunci utama dalam membantu pembelajar meningkatkan tahap kecekapan bahasanya. Untuk menjadi sebahagian dari ahli komuniti yang lain seseorang perlu bersosial dalam komuniti tersebut. Pembelajar yang bermotivasi integratif memiliki minat secara semulajadi di dalam komuniti bahasa kedua. Mereka mempelajari bahasa kedua bagi tujuan komunikasi dan memperolehi hubungan yang rapat dengan komuniti dan budaya masyarakat bahasa kedua (Littlewood, 1984:57).

Orientasi yang kedua ialah instrumental. Orientasi instrumental adalah berkait dengan keinginan individu untuk memperolehi pengiktirafan sosial atau manfaat ekonomi melalui pengetahuan bahasa asing (Gardner dan Lambert, 1972:14). Motivasi instrumental menggambarkan motif pragmatik dan utilitari (Baker, 1992:32). Di dalam motivasi instrumental tujuan individu mempelajari bahasa adalah kerana nilai utilitari semata-mata seperti untuk berjaya di dalam peperiksaan, melanjutkan pelajaran ke luar

negara, memenuhi syarat bergraduat di universiti, memohon pekerjaan, memperolehi gaji yang tinggi ketika memohon pekerjaan, memperolehi status sosial yang tinggi dan sebagainya. Dalam kajian ini, pengkaji akan menekankan kedua-dua jenis orientasi ini bagi mengenalpasti orientasi responden di dalam pembelajaran BS.

Manakala, motivasi digambarkan sebagai ‘kombinasi usaha dan keinginan untuk mencapai matlamat di dalam pembelajaran bahasa dan sikap yang baik terhadap pembelajaran bahasa’ (Gardner, 1985:10). Gardner (2006) menyatakan individu yang bermotivasi ‘*is goal directed, expends effort, is persistent, is attentive, has desires (wants), exhibits positive affect, aroused, has expectancies, demonstrates self-confidence (self-efficacy) and has reasons (motives)*’. Gardner (1985) menjelaskan terdapat tiga ciri-ciri motivasi iaitu kesungguhan motivasi, keinginan untuk mempelajari bahasa dan sikap terhadap pembelajaran bahasa. Individu yang benar-benar bermotivasi dalam mempelajari bahasa akan menunjukkan kesemua ciri-ciri tersebut (Gardner, 1985:60 dan Gardner et. al, (2004). Ketiga-tiga aspek ini terkandung di dalam ‘*Attitude/Motivation Test Battery*’ (AMTB) (Gardner, 1985). Skala tersebut mengandungi item ‘*integrativeness*’ (orientasi integratif, minat di dalam bahasa asing), item sikap terhadap situasi pembelajaran (penilaian ke atas guru dan kursus), item motivasi (kesungguhan motivasi, keinginan untuk mempelajari bahasa, sikap terhadap pembelajaran bahasa sasaran), item kebimbangan bahasa (kelas bahasa dan kebimbangan bahasa) dan item orientasi instrumental. Walaubagaimanapun, dalam kajian ini pengkaji hanya akan menumpukan aspek orientasi integratif, orientasi instrumental dan motivasi bagi mencapai objektif kajian ini.

Oleh itu, motivasi adalah berbeza dengan orientasi kerana seorang pelajar boleh menunjukkan pelbagai jenis orientasi (seperti mempelajari BS kerana ia berguna untuk masa depan saya) tetapi tidak bermotivasi untuk mencapai matlamat yang khusus. (seperti tidak berusaha dengan kesungguhan dalam mempelajari bahasa).

Perbezaan di antara dua konsep ini adalah amat penting bagi difahami dengan jelas dan mendalam terhadap kajian motivasi pembelajaran bahasa dari perspektif psikologi. Bagi memahami motivasi manusia untuk mempelajari bahasa, elemen pertama yang perlu diperhatikan adalah sebab mereka memilih untuk mempelajari bahasa. Ia dinamakan sebagai orientasi untuk mempelajari bahasa. Oleh itu, dalam kajian ini pengkaji akan mengenalpasti orientasi responden dalam mempelajari BS. Pengkaji akan menumpukan aspek orientasi integratif dan instrumental yang dibincangkan oleh Gardner (1985) bagi memudahkan kajian ini. Dalam mempelajari bahasa, individu memerlukan motivasi yang tinggi dan positif bagi mencapai kejayaan dan matlamat dalam pembelajaran bahasa. Oleh yang demikian, dalam kajian ini pengkaji akan mengenalpasti tahap motivasi responden. Sekali lagi pengkaji akan menggunakan konsep motivasi oleh Gardner (1985).

Kajian ini dilakukan dengan menggunakan pendekatan kuantitatif bagi mengetahui orientasi dan pemikiran motivasi responden terhadap pembelajaran BS. Kajian secara kuantitatif terhadap motivasi pembelajaran bahasa adalah berusaha untuk mendefinisikan dan mengklasifikasikan komponennya atau menguji dan mengukur hubungannya dengan pencapaian atau pembolehubah lain seperti kesungguhan terhadap pembelajaran, penglibatan di dalam kelas dan sebagainya. Sementara itu, penyelidikan ini juga bertujuan untuk mengetahui hubungan di antara orientasi dan motivasi dengan pencapaian bahasa responden dan melihat perbandingan orientasi dan motivasi di kalangan responden Melayu, Cina dan India terhadap pembelajaran BS. Oleh itu, berdasarkan kajian oleh Gardner (1985) terhadap motivasi pembelajaran bahasa dari perspektif psikologi, tiga tema kajian akan diuji iaitu orientasi integratif, orientasi instrumental dan motivasi (keinginan untuk mempelajari bahasa, kesungguhan motivasi dan sikap terhadap pembelajaran bahasa).

2.3.1 Orientasi Integratif

Pelajar yang berorientasi integratif, mempelajari bahasa kedua kerana mahu mengetahui, mendekati budaya kumpulan bahasa kedua. Pembelajar yang memiliki orientasi integratif juga dikatakan bersikap positif terhadap kumpulan bahasa kedua, berkeinginan untuk berinteraksi dan meniru cara budaya ahli komuniti tersebut. Gardner dan Lambert (1972) membangunkan konsep motivasi integratif dari teori Mowrer (1950) iaitu teori kejayaan pemerolehan bahasa pertama. Mowrer mempercayai bahawa kanak-kanak berjaya memperolehi bahasa pertama mereka berpunca dari pencarian untuk identiti di mana pada mulanya di kalangan ahli keluarga dan seterusnya dengan ahli komuniti pertuturan mereka.

Gardner dan Lambert (1972) telah menekankan kepentingan sikap '*anti-authoritarian*' dan '*non-ethnocentric*' di dalam pembelajaran bahasa asing. Mereka berpendapat bahawa pembelajar yang memiliki sikap etnosentrik, '*authoritarian*' yang kuat dan bersikap prejudis terhadap masyarakat budaya lain tidak akan memihak kepada '*language learning task with an integrative outlook*' (Gardner dan Lambert (1972:16). Oleh itu, Gardner dan Lambert (1972) mempercayai bahawa motivasi pembelajar untuk mempelajari bahasa asing adalah bergantung kepada sikap dan keinginan untuk mengenali ciri-ciri linguistik dan bukan linguistik penutur bahasa sasaran. Dengan kepercayaan ini mereka mencipta idea motivasi integratif yang merujuk kepada pembelajaran bahasa untuk penambahan personel dan pengkayaan budaya (Rahman, 2005).

2.3.2 Orientasi Instrumental

Gardner dan Lambert (1972) menggambarkan motivasi instrumental sebagai motivasi untuk memperolehi beberapa kebaikan/kepentingan melalui pembelajaran bahasa kedua seperti mendapatkan gred yang baik dalam peperiksaan, memperolehi

kerja yang baik atau untuk kenaikan pangkat. Individu yang berorientasi instrumental melihat bahasa sebagai instrumen untuk mendapatkan ganjaran. Parsons (1951) dan Skinner (1953) menggambarkan kanak-kanak mempelajari bahasa pertama sebagai '*instrumental conditioning*'. Kanak-kanak meniru perkataan ibu-bapa melalui peneguhan oleh bapa mereka. Teori ini telah memberi inspirasi kepada Gardner dan Lambert (1972) bagi mengkonsepkan motivasi instrumental.

Gardner (1985) berpendapat orientasi integratif adalah penting dan lebih dominan bagi individu yang mempelajari bahasa kedua berbanding orientasi instrumental. Individu yang memilih tujuan integratif dalam mempelajari bahasa kedua juga dikatakan memperolehi pencapaian bahasa yang tinggi berbanding mereka yang memilih tujuan lain (Gardner, 1985). Beliau juga berpandangan individu yang berorientasi integratif akan menunjukkan tahap motivasi yang tinggi berbanding individu yang berorientasi instrumental. Oleh itu, di dalam analisis kajian ini, pengkaji akan menguji kebenaran pandangan tersebut.

2.4 Kajian Orientasi Integratif dan Orientasi Instrumental

Kajian mengenai motivasi integratif dan instrumental di dalam pembelajaran bahasa adalah salah satu aspek kajian yang agak popular di kalangan para pengkaji seperti Gardner (1985), Dornyei (1996) dan Brown (2000). Banyak dapatan kajian menunjukkan perbezaan yang tidak jelas yang mana lebih dominan dan sebaliknya. Sehingga ke hari ini para pengkaji masih mencari jawapan terhadap isu ini.

Gardner dan Lambert (1959) merupakan pelopor yang memperkenalkan konsep orientasi ini. Dalam kajian awal mereka terhadap 75 pelajar yang mempelajari bahasa Perancis di sebuah sekolah tinggi di Montreal, Kanada mendapati orientasi integratif adalah lebih penting dari orientasi instrumental dalam mengetahui tujuan pelajar mempelajari bahasa Perancis. Ini menggambarkan bahawa pelajar yang memiliki

orientasi integratif lebih berjaya dalam pembelajaran bahasa kedua berbanding mereka yang berorientasi instrumental, memiliki sikap yang baik terhadap komuniti bahasa Perancis dan menunjukkan motivasi yang tinggi dalam memperolehi bahasa kedua.

Pada tahun berikutnya Gardner (1960) juga telah melakukan kajian di tempat yang sama tetapi dengan jumlah responden yang berlainan iaitu 90 pelajar yang mempelajari bahasa Perancis dari enam buah sekolah tinggi. Hasil kajian tersebut telah menyokong dapatan kajian beliau sebelum ini iaitu orientasi integratif telah mendominasi tujuan pelajar dalam mempelajari bahasa Perancis.

Bagi mengetahui sama ada pembolehubah orientasi ini boleh diaplikasikan kepada situasi di luar Kanada atau sebaliknya, Gardner dan Lambert (1972) telah meluaskan kajian oleh Gardner (1960) kepada situasi di Amerika Syarikat. Peluasan kajian ini adalah penting kerana ia dapat membuktikan bahawa pembolehubah sikap dan motivasi juga boleh melibatkan pemerolehan bahasa kedua di dalam persekitaran dan latar budaya yang berbeza. Dalam kajian mereka ke atas pelajar sekolah tinggi yang mempelajari bahasa Perancis di Louisiane, Maine dan Connecticut, Amerika Syarikat mendapati, pelajar di Louisiane dan Connecticut adalah berorientasi integratif berbanding di Maine yang berorientasi instrumental. Ini menunjukkan bahawa orientasi integratif juga dilihat lebih penting di dalam situasi pembelajaran bahasa yang berlainan konteks situasi. Pelajar yang memiliki sikap motivasi integratif bersikap lebih baik terhadap ahli komuniti penutur bahasa Perancis. Mereka menyimpulkan bahawa pelajar yang bersikap negatif terhadap bahasa sasaran dan komunitinya adalah kurang bermotivasi untuk mempelajari bahasa kedua berbanding mereka yang bersikap positif.

Hasil kajian oleh Clément, Gardner dan Smythe (1977) telah menguatkan lagi pendominasian orientasi integratif di dalam pembelajaran bahasa. Kajian mereka dilakukan ke atas 304 pelajar *francophone* yang berada di gred 10 dan 11 di kawasan Montreal yang mempelajari bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Dapatan

memaparkan tujuan pelajar mempelajari bahasa Inggeris adalah berkait dengan motivasi integratif.

Selain itu, melalui kajian oleh Bialystok dan Frohlich (1977) di Toronto juga mendapati tujuan pelajar mempelajari bahasa Perancis adalah dominan kepada orientasi integratif. Responden terdiri dari 31 pelajar yang mempelajari bahasa Perancis di dua buah kelas yang berlainan sekolah di Toronto.

Terdapat hasil penyelidikan yang melaporkan pelajar juga lebih memilih penyebab integratif dalam mempelajari bahasa kedua di dalam persekitaran budaya yang berbeza. Di antaranya ialah penyelidikan yang dilakukan di Korea Selatan oleh Dong-Ho (2000) ke atas 234 pelajar sekolah di gred 9, yang bertujuan bagi mengenalpasti orientasi pelajar dalam mempelajari bahasa Inggeris. Dapatan menunjukkan pelajar lebih memihak untuk mendekati dan memahami budaya penutur sasaran berbanding tujuan instrumental.

Selain itu, Hernández (2006) juga melaporkan dapatan yang sama di mana pelajar memaparkan tujuan utama mempelajari bahasa Sepanyol adalah untuk berkomunikasi dengan penutur BS di Amerika. Kajian dilakukan ke atas 130 pelajar di Amerika Tengah yang telah menamatkan kursus bahasa Sepanyol di universiti.

Walaupun kedua-dua orientasi ini adalah elemen asas kejayaan apabila mempelajari bahasa kedua, motivasi integratif didapati lebih dominan apabila mempelajari bahasa kedua (Holt, 2001). Holt berpendapat motivasi integratif menunjukkan kaitan yang berterusan kepada pembelajaran bahasa kedua di dalam banyak kajian. Manakala motivasi instrumental pula hanya menunjukkan faktor yang signifikan di dalam pembelajaran bahasa kedua di dalam beberapa kajian sahaja.

Gardner dan Lambert (1959), Gardner (1985) dan Gardner dan Lambert (1972) menekankan pendominasian orientasi integratif berbanding orientasi instrumental di dalam pembelajaran bahasa kedua. Walaubagaimanapun terdapat beberapa kajian yang

menunjukkan pertentangan dengan pandangan mereka ini. Di antaranya ialah kajian oleh Lukmani (1972) yang berlokasi di Bombay, India ke atas 60 pelajar perempuan penutur Marathi yang mempelajari bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua, didapati bahawa orientasi instrumental (menggunakan bahasa Inggeris untuk kehidupan) adalah lebih penting bagi pelajar berbanding orientasi integratif. Ini menandakan situasi sosial membantu dalam menentukan jenis orientasi pembelajar dan apa yang paling utama untuk pembelajaran bahasa. Lukmani berpandangan bahawa responden yang terlibat di dalam kajian ini, melihat diri mereka berdasarkan kepada negara tanah tumpah darah mereka tetapi, sebenarnya sedang mengalami perubahan minda dan cara hidup.

Selain itu, kajian dijalankan oleh Chihara dan Oller (1978) di Osaka YMCA, Jepun ke atas 123 orang dewasa yang mengikuti kursus bahasa Inggeris pada tiga tahap (asas, pertengahan dan tinggi). Hasil penelitian mereka juga menunjukkan motivasi instrumental menjadi penentu dalam kejayaan pembelajaran bahasa pelajar berbanding integratif.

Gardner & Lambert (1972) menyatakan bahawa kejayaan di dalam pembelajaran bahasa kedua adalah bergantung kepada penerimaan individu ke atas budaya komuniti bahasa kedua. Bagi menguji kebenaran pandangan mereka ini, Dornyei (1990) telah melakukan kajian ke atas 134 orang pelajar yang mempelajari bahasa Inggeris sebagai bahasa asing di Hungary iaitu sebuah negara di Eropah. Didapati motivasi instrumental (mempelajari bahasa Inggeris untuk kerjaya di masa hadapan) lebih menyumbang kepada kejayaan pelajar di dalam pencapaian bahasa. Oleh itu, Dornyei (1990) berpandangan bahawa konteks pemerolehan bahasa asing dan bahasa kedua adalah berbeza. Ini kerana pelajar yang mempelajari bahasa asing tidak memperolehi pendedahan yang mencukupi terhadap komuniti bahasa sasaran maka, mereka lebih memihak kepada orientasi instrumental. Dornyei menyatakan bahawa sifat dan kesan motivasi mungkin berbeza mengikut persekitaran di mana pembelajaran

bahasa itu berlaku (ms 48). Cook (1991) juga menggambarkan kepentingan motivasi integratif dan instrumental kepada pelajar adalah berbeza dari satu tempat ke satu tempat.

Melalui kajian oleh Oxford dan Shearin (1994) terhadap 218 pelajar di '*American High School*' tentang orientasi dalam pembelajaran bahasa Jepun mendapati, majoriti pelajar menunjukkan mereka mempelajari bahasa Jepun bagi tujuan perniagaan kelak iaitu berorientasi instrumental. Oxford dan Shearin (1994) menyokong pandangan Dornyei (1990) bahawa motivasi pelajar yang mempelajari bahasa asing adalah berbeza mengikut konteks. Motivasi integratif dikatakan tidak sesuai dan kurang penting kepada pelajar yang mempelajari bahasa asing di mana mereka berada di tempat yang berasingan dan tiada pendedahan dengan budaya sasaran. Oleh itu, mereka bersikap neutral dan tidak berkomited untuk mengetahui dengan lebih mendalam tentang budaya dan cara hidup masyarakat bahasa sasaran. Sebab itulah, motivasi instrumental dilihat lebih penting bagi pelajar yang mempelajari bahasa asing berbanding bahasa kedua.

Cook (1991) juga berpandangan agak sama dengan Dornyei (1990) dan Oxford dan Shearin (1994) di mana situasi pengajaran bahasa asing adalah berbeza mengikut konteks di mana pelajar mungkin tidak memperolehi pendedahan kepada penutur natif komuniti tersebut. Sebagai contoh pelajar yang mempelajari bahasa Perancis di England hanya memiliki sedikit hubungan dengan penutur komuniti bahasa Perancis (Cook, 1991:168).

Holt (2001) berpendapat terdapat satu situasi di mana motivasi instrumental boleh membawa kejayaan di dalam pembelajaran bahasa iaitu pembelajar tidak berpeluang untuk menggunakan bahasa sasaran dan berkomunikasi dengan ahli kumpulan bahasa sasaran. Situasi ini dapat digambarkan dalam kajian oleh Dornyei (1996) yang menyatakan bahawa

“kebanyakan negara di dunia ini adalah multibudaya dan majoriti masyarakatnya bertutur lebih dari dua bahasa. Kenyataan ini menandakan

kepentingan dimensi sosial ke atas motivasi pembelajaran bahasa. Walaubagaimanapun, dimensi sosial ini bukan satu-satunya kekangan ke atas motivasi pembelajaran bahasa. Motivasi untuk mempelajari bahasa kedua adalah kompleks dan '*eclectic psychological construct*' yang melibatkan beberapa faktor bukan sosial" (ms. 71-72).

Dalam kajian Dornyei (1996) ke atas pelajar sekolah menengah yang mempelajari bahasa Inggeris di Hungary yang berumur 17 dan 18 tahun mendapati matlamat instrumental memainkan peranan yang penting di dalam pembelajaran bahasa Inggeris. Beliau menyimpulkan bahawa pembelajaran bahasa asing di dalam persekitaran kelas secara logiknya tidak boleh melibatkan sikap terhadap komuniti bahasa kedua kerana pembelajar tidak pernah atau memiliki sedikit hubungan dengan ahli-ahli kumpulan bahasa kedua.

Di samping itu, hasil kajian oleh Rahman (2005) juga telah menguatkan lagi pandangan Oxford dan Shearin (1994) dan Dornyei (1990). Penyelidikan oleh Rahman (2005) adalah berdasarkan orientasi dan motivasi 94 orang pelajar Bangladesh yang mempelajari bahasa Inggeris di '*American International University Bangladesh*' sebagai bahasa asing. Dilaporkan bahawa responden mempelajari bahasa Inggeris bagi tujuan instrumental berbanding integratif. Beliau berpendapat bahawa Bangladesh adalah sebuah negara monolingual. Oleh itu, bahasa Inggeris dipelajari sebagai bahasa asing. Tambahan lagi, pelajar Bangladesh tidak berpeluang untuk berinteraksi dengan penutur asli bahasa Inggeris. Mereka hanya memperolehi berita dan idea tentang penutur asli melalui media elektronik dan cetak yang bukan memberi gambaran sebenar penutur jati bahasa Inggeris.

Dari hasil kajian oleh Konig (2006) ke atas 39 orang pelajar di Universiti Ankara, Turki yang mempelajari bahasa asing juga menunjukkan orientasi instrumental (kerjaya yang baik, melanjutkan pelajaran ke luar negara) lebih mendominasi berbanding integratif. Melalui hasil penelitian Man-Fat (2004) terhadap pelajar di Kolej

St. Francis Xavier, Hong Kong yang mempelajari bahasa Inggeris didapati motivasi instrumental lebih mendominasi terutamanya untuk kerjaya di masa hadapan.

Manakala, Liu (2007) juga mendapati responden menggambarkan orientasi instrumental yang lebih berbanding integratif untuk mempelajari bahasa Inggeris. Kajian beliau dibuat ke atas 202 pelajar Cina tahun tiga yang mempelajari bahasa Inggeris di Universiti Xia'men, China. Beliau berpendapat mungkin disebabkan kurangnya komunikasi atau hubungan dengan penutur asli bahasa Inggeris atau bahasa sasaran, maka responden menunjukkan orientasi instrumental yang lebih. Liu juga menyimpulkan bahawa disebabkan pembangunan ekonomi China yang pesat maka, wujud permintaan yang tinggi terhadap tenaga kerja di dalam pelbagai bidang seperti pendidikan, perdagangan, sains dan teknologi lantas mendorong pelajar memilih tujuan instrumental.

Walaupun, wujud pandangan yang mengatakan kedua-dua orientasi ini adalah sama pentingnya di dalam pembelajaran bahasa kedua. Di antaranya ialah Cook (1991) yang berpandangan bahawa kedua-dua motivasi integratif dan instrumental adalah penting di dalam pembelajaran bahasa kedua. Pelajar boleh mempelajari bahasa kedua dengan baik hanya dengan memiliki motivasi integratif sahaja atau instrumental sahaja atau dengan kedua-duanya sekali. Brown (2000) juga berpendapat pilihan motivasi integratif dan instrumental oleh pelajar adalah kadangkala sama. Pembelajar jarang memilih satu bentuk motivasi apabila mempelajari bahasa kedua tetapi, lebih suka memilih kombinasi kedua-dua orientasi. Beliau memberi contoh pelajar luar negara yang menetap di Amerika, di mana mereka mempelajari bahasa Inggeris untuk tujuan akademik dan pada masa yang sama ingin berintegrasi dengan masyarakat dan budaya negara tersebut.

Pandangan Brown dan Cook ini digambarkan di dalam hasil kajian oleh Davis dan Markham (1991) di mana, pelajar memiliki tahap yang tinggi bagi motivasi

integratif dan instrumental. Kajian tersebut dijalankan di 76 buah universiti dan kolej orang kulit hitam di Amerika Syarikat dan sebahagian di Colombia ke atas pelajar tahun satu dan kedua yang mempelajari bahasa asing. Davis dan Markham (1991) berpendapat keadaan ini berlaku mungkin disebabkan orientasi pelajar '*African-American*' menjadi lebih global iaitu kesan dari peningkatan kesedaran dan hubungan komunikasi yang berubah mengikut arus perkembangan teknologi.

Kesamaan kepentingan kedua-dua orientasi ini juga dapat dipaparkan dari hasil penelitian Ashton (2004) terhadap 13 pelajar asing yang mengikuti kursus tiga bulan untuk persediaan peperiksaan '*First Certificate of English (FCE)*' di *Scanbrit School of English* di Bournemouth, England. Didapati kedua-dua orientasi adalah sama dan seimbang bagi kesemua responden dan tiada yang menunjukkan lebih kepada instrumental atau integratif.

Sekiranya aspek orientasi integratif dan instrumental dilihat dari perspektif di Malaysia, iaitu sebuah negara yang berbilang kaum, sudah tentu ia menghasilkan dapatan yang berbeza dengan kajian yang dilakukan di Barat dan perlu dinilai secara berasingan. Zulkifley (1994) menyimpulkan bahawa motivasi integratif di kalangan pelajar Malaysia untuk mempelajari bahasa Inggeris adalah tidak tinggi dan tidak cukup kuat untuk memotivasikan pelajar mempelajari bahasa Inggeris dengan giat dan gigih. Ini kerana keperluan untuk mengintegrasikan diri ke dalam masyarakat penutur bahasa Inggeris tidak timbul di kalangan pelajar. Motivasi tersebut timbul apabila mereka dewasa kerana timbul keperluan untuk bergaul dengan golongan elit. Beliau menyatakan lagi 'keperluan untuk menghapuskan atau mengurangkan rasa keterasingan yang menimbulkan motivasi integrasi' (ms. 81). Penduduk Malaysia tidak akan terasing jika mereka tidak menguasai bahasa Inggeris kerana mereka akan menggunakan bahasa ibunda untuk berkomunikasi sesama etnik, manakala untuk komunikasi berlainan etnik bahasa Melayu atau bahasa Melayu pasar digunakan. Bagi motivasi instrumental pula

Zulkifley (1994) mengatakan ia boleh menjadi pendorong agar mempelajari bahasa Inggeris dengan lebih giat dan gigih. Terdapat beberapa faktor yang membolehkan motivasi ini menjadi tinggi seperti untuk memperolehi biasiswa bagi melanjutkan pelajaran ke luar negara (England, Amerika dan Australia) bagi lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), membaca buku rujukan yang terdapat di perpustakaan universiti tempatan yang kebanyakannya dalam bahasa Inggeris dan memperolehi kerjaya yang baik seperti di sektor swasta (agensi pelancongan, hotel dan bank antarabangsa) yang memerlukan penguasaan bahasa Inggeris yang memuaskan (ms. 82). Keadaan dan sifat masyarakat Malaysia yang menyebabkan motivasi instrumental boleh menjadi pendorong ke arah pembelajaran bahasa Inggeris yang lebih giat walaupun tahap motivasi integrasi adalah rendah (ms. 83).

Hasil kajian oleh Lomoljo (2004) yang bersituasikan Malaysia menunjukkan majoriti pelajar mempelajari bahasa asing adalah disebabkan motivasi instrumental seperti melancong ke luar negara dan memperolehi kerjaya yang baik. Kajian beliau dilakukan bagi melihat tujuan, persepsi dan pilihan 70 responden tahap tiga yang mempelajari bahasa asing (Perancis, Jerman, Jepun, Mandarin, Parsi, Thai dan Sepanyol) di UPM.

Manakala, Mohd. Firdaus (2003) yang meninjau sikap dan motivasi pelajar terhadap pembelajaran bahasa Inggeris di sekolah menengah di bahagian pedalaman Sabah mendapati pelajar di kawasan pedalaman mempamerkan motivasi instrumental berbanding integratif. Kajian beliau adalah menggunakan soal selidik oleh Gardner (1985) ke atas 418 pelajar tingkatan 4 dari tujuh buah sekolah yang dipilih secara rawak.

Selain itu, dari hasil penelitian Sachitanantam (2002) ke atas sikap dan motivasi 356 guru pelatih TESOL di lapan buah maktab perguruan di Malaysia terhadap pembelajaran bahasa Inggeris, juga melaporkan majoriti pelajar lebih memilih tujuan instrumental berbanding integratif. Ketiga-tiga hasil penyelidikan tersebut

menggambarkan bahawa tujuan pelajar mempelajari bahasa asing adalah lebih kepada instrumental berbanding integratif. Oleh yang demikian, tujuan instrumental ini dapat menyokong pandangan Zulkifley (1994) tentang motivasi di kalangan pelajar Malaysia dalam mempelajari bahasa asing iaitu disebabkan keadaan dan sifat masyarakat Malaysia itu sendiri, maka pelajar lebih memilih tujuan instrumental berbanding integratif.

Secara kesimpulannya, kedua-dua orientasi ini amat penting dalam menentukan tujuan/penyebab individu mengikuti pembelajaran bahasa asing iaitu sama ada bagi tujuan berintegrasi dengan komuniti bahasa sasaran atau matlamat utilitari/pragmatik seperti memperolehi kerjaya yang baik. Sehingga ke hari ini, para cendekiawan masih membincangkan dan mencari jawapan orientasi mana yang perlu dimiliki oleh pembelajar melalui situasi kumpulan pembelajar yang berbeza. Oleh yang demikian, dalam kajian ini, pengkaji akan mengenalpasti orientasi mana yang akan lebih mendominasi tujuan pelajar mempelajari BS sebagai bahasa asing di Malaysia. Hasil kajian ini akan memaparkan sama ada ianya menyokong atau menolak dapatan penyelidikan sebelum ini.

2.5 Pendekatan Alternatif Bagi Orientasi dan Motivasi

Asas teori Gardner tentang sikap dan motivasi di dalam pembelajaran bahasa kedua telah dibangunkan pada tahun 1960an dan ianya berakar umbi di dalam bidang psikologi sosial. Pandangan Gardner tentang konsep tersebut terutamanya konsep orientasi dan motivasi telah mendapat pelbagai kritikan dan pandangan dari sudut lain berdasarkan hasil dapatan pengkaji-pengkaji lain. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, beberapa teori motivasi yang baru telah dicadangkan ke atas bidang kajian ini (Dornyei, 2003). Oleh yang demikian, wujud pelbagai rangkaian alternatif motivasi dari sudut yang berbeza.

Di antaranya ialah, Deci dan Ryan (1985) telah memperkenalkan konsep motivasi yang baru bagi pembelajaran bahasa kedua iaitu intrinsik dan ekstrinsik. Motivasi intrinsik adalah seperti orientasi instrumental dan motivasi ekstrinsik seperti orientasi integratif. **Motivasi intrinsik** merupakan motivasi melakukan sesuatu untuk mendapatkan ganjaran diri sendiri seperti keseronokan melakukan sesuatu aktiviti atau perasaan ingin tahu. **Motivasi ekstrinsik** merupakan motivasi melakukan sesuatu adalah disebabkan ganjaran dari luar/persekitaran seperti kerjaya, kenaikan pangkat dan meningkatkan gred. Dornyei (2003:8) berpendapat konsep intrinsik dan ekstrinsik ini adalah sesuai dan dapat dipercayai kesahihan instrumen pengukurannya dalam menilai aspek-aspek di dalam pembelajaran bahasa kedua. Brown (1991) juga bersetuju dengan konsep tersebut dengan menekankan akan kepentingannya di dalam pembelajaran bahasa. Ini adalah kerana, konsep tersebut merupakan kuasa utama dalam menarik pelajar agar dapat membina keyakinan diri, penambahan nilai dan kecekapan pengetahuan atau kemahiran (Brown, 1991).

Brown (1981) dalam Ellis (1985:117) pula mengkategorikan tiga jenis motivasi dalam pembelajaran bahasa kedua iaitu (i) motivasi global yang merangkumi orientasi secara umum terhadap matlamat pembelajaran bahasa kedua; (ii) motivasi situasi adalah berdasarkan situasi di mana pembelajaran bahasa berlaku dan (iii) motivasi tugas adalah motivasi bagi melakukan tugas pembelajaran yang khusus. Menurut pandangan Ellis (1985:117), motivasi global adalah serupa dengan konsep motivasi oleh Gardner dan Lambert (1972), manakala motivasi tugas, juga adalah sama dengan konsep sikap oleh Gardner dan Lambert dan motivasi situasi adalah konsep baru yang tiada di dalam Gardner dan Lambert (1972).

Manakala, Dornyei (1990) telah memperkenalkan dua faktor baru melalui hasil kajian beliau ke atas pelajar yang mempelajari bahasa Inggeris sebagai bahasa asing di Hungary. Faktor tersebut dikatakan memberi kesan kepada motivasi di dalam

pembelajaran bahasa asing iaitu (i) '*need for achievement*' memperoleh kepentingan diri sendiri seperti lulus di dalam peperiksaan dan (ii) '*attribution about past failures*' apa jua kegagalan pembelajar di masa lepas. Faktor tersebut juga adalah dari pandangan Dornyei (1990) tentang konteks pemerolehan bahasa asing dan bahasa kedua yang berbeza. Dornyei menyatakan bahawa sifat dan kesan motivasi mungkin berbeza dari segi persekitaran di mana pembelajaran bahasa itu berlaku (ms. 48).

Seterusnya, berinspirasi model '*socio-educational*' Gardner (1985), Dornyei (1994) sekali lagi telah meluaskan konsep motivasi di dalam pembelajaran bahasa kedua dengan memasukkan tiga tahap yang berbeza iaitu (i) **tahap bahasa** meliputi orientasi dan motivasi yang berkait dengan pembelajaran bahasa kedua iaitu motivasi integratif dan instrumental, (ii) **tahap pembelajar** melibatkan motif perbezaan individu seperti '*need for achievement*' dan keyakinan diri sendiri, dan (iii) **tahap situasi pembelajaran:** meliputi pelbagai motif dan motivasi yang menekankan kepada komponen '*course-specific*', '*teacher-specific*' dan '*group-specific*' yang berkait dengan situasi pembelajaran di dalam kelas. Gardner, et. al (2004) menyokong konsep oleh Dornyei (1994) ini kerana ia menitikberatkan konsep identiti dan identifikasi di dalam proses pembelajaran bahasa komuniti lain.

Di samping itu, Oxford dan Shearin (1994) juga mencadangkan agar teori Gardner (1985) diperkembangkan iaitu dengan memperkenalkan teori motivasi dari sudut psikologi sosial seperti '*general*', industri, pendidikan dan perkembangan psikologi kognitif. Pandangan ini adalah dari hasil kajian mereka terhadap 218 pelajar di '*American High School*' tentang motivasi dalam pembelajaran bahasa Jepun. Dapatan kajian mereka membuktikan selain dari orientasi integratif dan instrumental terdapat faktor-faktor psikologi sosial lain dinyatakan oleh pelajar. Faktor tersebut dilihat tidak berkait langsung dengan kedua-dua orientasi integratif atau instrumental seperti '*receiving intellectual stimulation, seeking personal challenge, showing off to*

friends, aiding world peace' dan sebagainya. Oleh itu, mereka mengesyorkan agar memperluaskan lagi maksud orientasi integratif dan instrumental kerana mereka berpandangan bahawa konsep tersebut adalah tidak jelas.

Selain itu, Peirce (1995) mengatakan 'para pengkaji teori pemerolehan bahasa kedua tidak menjelaskan secukupnya bagaimana pembelajar kadangkala bermotivasi, ekstrovert, yakin, kadangkala tidak bermotivasi, introvert dan bimbang' (ms. 11). Peirce juga tidak bersetuju dengan pandangan Gardner (1985) tentang motivasi integratif dan instrumental di dalam bidang pemerolehan bahasa kedua. Ini kerana ianya tidak menggambarkan hubungan yang kompleks di antara kuasa, identiti dan pembelajaran bahasa. Oleh yang demikian, Peirce (1995) telah mencadangkan konsep '*investment*' berbanding motivasi bagi menggambarkan hubungan antara pembelajar bahasa, keinginan dan mempraktikkan bahasa yang dipelajari. Pelajar yang melakukan '*invest*' di dalam bahasa kedua, mempercayai bahawa mereka akan memperolehi sumber simbolik (bahasa, pendidikan dan persahabatan) dan sumber material (duit, harta dan makanan) (ms. 17). Pembelajar berharap akan memperolehi kebaikan daripada '*investment*' tersebut. Norton (2006) mengatakan 'motivasi instrumental menekankan kebaikan utilitari manakala '*investment*' pula menumpukan kepada identiti, perubahan mengikut masa dan ruang dan melibatkan interaksi sosial' (ms. 504). Dalam kajian Peirce (1995) ke atas wanita yang bermigrasi ke Kanada dan mempelajari bahasa Inggeris menunjukkan motivasi mereka untuk bertutur adalah menjadi pengantara melalui '*investment*' yang mungkin mendatangkan konflik dengan keinginan untuk bertutur.

Motivasi untuk mempelajari bahasa adalah 'sangat kompleks untuk diperjelaskan melalui satu konsep sahaja' (Brown, 1991:246). Oleh yang demikian, Tremblay dan Gardner (1995) telah berusaha memperluaskan konsep tersebut iaitu dengan memperkenalkan dua bentuk motivasi: '*motivational behaviour*' dan

'motivational antecedents'. *'Motivational behaviour'* merujuk kepada ciri-ciri individu yang boleh difahami oleh pemerhati (Tremblay & Gardner, 1995:506). Manakala *'motivational antecedents'* meliputi faktor yang tidak boleh difahami oleh pemerhati luar tetapi ia mempengaruhi motivasi melalui kognitif atau afektif (ms. 507). Di antara ciri-ciri *'motivational antecedents'* ialah valen, *'self-efficacy'*, *'causal attributions'* dan *'goal setting'*. Valen digambarkan sebagai keinginan dan tarikan terhadap tugas (ms. 507). *'Self-efficacy'* ialah pandangan/persepsi individu akan kebolehnya bagi mencapai tahap pencapaian yang tertentu (ms. 507). *'Causal attributions'* pula dikategorikan sebagai aspek dalaman dan luaran individu (ms. 508) seperti kemampuan dan nasib. Manakala *'goal setting'* menggambarkan individu yang menerima matlamat spesifik dan sukar akan melahirkan individu yang bagus berbanding individu yang tiada matlamat (ms. 508). Kesemua ciri-ciri yang disenaraikan dikatakan akan mempengaruhi tahap motivasi pelajar. Tremblay dan Gardner (1995) telah melakukan kajian berdasarkan konsep motivasi ini ke atas 75 pelajar sekolah menengah yang mengikuti kelas bahasa Perancis di Northern Ontario, Kanada. Dapatan menunjukkan ciri-ciri tersebut mempengaruhi tahap motivasi pelajar dalam mempelajari bahasa Perancis. Oleh itu, melalui hasil kajian ini, Tremblay dan Gardner (1995) menyimpulkan bahawa elemen-elemen lain tentang motivasi boleh dimasukkan ke dalam model *'socio-educational'* (Gardner, 1985).

Walaupun Tremblay dan Gardner (1995) telah berjaya merungkai persoalan-persoalan yang ditimbulkan, masih wujud beberapa kritikan terhadap konsep motivasi Gardner. Di antaranya ialah Csizér dan Dornyei (2005) yang bersependapat dengan Oxford dan Shearin (1994) agar konsep integratif oleh Gardner (1985) diperluaskan lagi dan didefinisikan semula. Csizér dan Dornyei (2005) mencadangkan kepada Gardner agar mengutamakan aspek kognitif, kerana ianya berkait dengan pembelajaran bahasa. Maka, Csizér dan Dornyei (2005) mengesyorkan konsep *'ideal L2 self'* iaitu merujuk

kepada *'to the L2-specific dimension of the learners ideal self'* (ms. 30). Mereka berpendapat konsep ini adalah berkait dengan konsep *'integrativeness'* dan bertepatan dengan konsep *'identification'* di dalam motivasi pembelajaran bahasa kedua oleh Gardner (1985).

Konsep baru yang disarankan oleh Csizér dan Dornyei (2005) ini telah menimbulkan pertentangan oleh Gardner. Gardner (2005) berpendapat konsep baru yang dicadangkan oleh Csizér dan Dornyei (2005) tersebut, mungkin akan menimbulkan kekeliruan dan menjadikannya lebih sukar. Ini adalah kerana konsep integratif itu merujuk kepada dimensi afektif dan berkait dengan konsep *'identification'*. Gardner (2005:8) mengatakan lagi bahawa *"...individuals who are high in integrativeness may have different perceptions of their self and their ideal self, particularly as they relate to the second language but it would seem better to use a different label"*.

Bagi memperjelaskan lagi kritikan dan pandangan para penyelidik sebelum ini maka Gardner (2005) tampil dengan menyatakan terdapat beberapa kajian yang menyarankan agar beliau mewujudkan konsep orientasi yang baru bagi mengkategorikan penyebab/tujuan pelajar mempelajari bahasa yang tidak tergolong di dalam orientasi integratif dan instrumental (seperti melancong, pendidikan, rakan, dominan dan sebagainya) seperti Oxford dan Shearin (1994). Bagi Gardner (2005) tujuan/penyebab ini masih boleh dikategorikan sebagai orientasi integratif dan instrumental. Beliau berpendapat kajian-kajian tersebut mungkin tidak menitikberatkan aspek motivasi atau sebaliknya.

Secara kesimpulan, konsep motivasi di dalam pembelajaran bahasa kedua yang dipelopori oleh Gardner (1985) telah menimbulkan pelbagai kritikan, pandangan dan pendekatan yang berbeza dari pengkaji-pengkaji lain. Walaupun kebanyakan pengkaji mengesyorkan agar konsep integratif diperluaskan dan diperjelaskan dari sudut

perspektif yang berbeza, mereka sebenarnya tidak menolak sepenuhnya teori tersebut tetapi menjadikannya sebagai asas atau 'telah memberi pengaruh kepada mereka dalam memperkatakan dan merungkai aspek motivasi di dalam pembelajaran bahasa' (Dornyei, 1994).

2.6 Sikap, Motivasi dan Pencapaian

Banyak kajian telah dilakukan oleh para cendekiawan di seluruh pelosok dunia bagi menentukan peranan sikap dan motivasi dalam pembelajaran bahasa kedua. Kajian juga mendapati terdapat hubungan yang kuat di antara sikap, motivasi dengan pencapaian bahasa kedua. Penyelidikan tersebut dijalankan di semua peringkat iaitu dari peringkat rendah hingga ke institusi pengajian tinggi. Kajian berkenaan pemerolehan bahasa kedua ini bermula dengan spekulasi yang dibuat oleh Lambert (1955) yang mengatakan keinginan dalam mempelajari bahasa lain seringkali meningkat disebabkan oleh '*direct interest*' dalam bahasa itu sendiri dan penglibatan emosi dengan penutur bahasa sasaran.

Kajian terulung terhadap hubungan sikap dan motivasi terhadap pencapaian bahasa kedua telah dibangunkan oleh Gardner dan Lambert (1959). Menurut Dornyei (1994:273), Gardner dan rakan-rakannya telah memulakan prosedur kajian yang saintifik dan memperkenalkan teknik dan instrumen penilaian yang standardisasi. Oleh itu, kajian terhadap motivasi pembelajaran bahasa kedua menjadi lebih mantap (ms. 273).

Dalam kajian awal Gardner dan Lambert (1959) di kawasan Montreal, adalah bagi menguji hubungan di antara pembolehubah sikap dan motivasi ke atas pencapaian bahasa Perancis. Responden adalah terdiri dari 75 pelajar sekolah menengah tinggi yang mempelajari bahasa Perancis. Melalui hasil kajian mereka mendapati, wujud korelasi yang positif di antara pembolehubah sikap dengan pencapaian bahasa Perancis.

Gardner (1960) dalam kajian susulannya juga melaporkan item motivasi yaitu keinginan untuk mempelajari bahasa Perancis, kesungguhan motivasi dan sikap terhadap pembelajaran bahasa Perancis adalah berkorelasi dengan pencapaian bahasa mereka. Hasil kajian beliau menunjukkan wujud faktor lain dalam pembelajaran bahasa kedua pelajar yaitu dorongan ibu-bapa. Faktor tersebut memainkan peranan yang penting dalam membentuk sikap pembelajar terhadap komuniti bahasa sasaran.

Melalui kajian oleh Gardner dan Lambert (1972) di lokasi yang sama, didapati pelajar memiliki sikap positif terhadap bahasa sasaran dan sikap mereka berkait dengan pencapaian bahasa. Mereka mengatakan bahawa motivasi manusia untuk mempelajari bahasa kedua adalah ditentukan oleh sikap mereka terhadap bahasa sasaran, penutur bahasa sasaran dan orientasi mereka terhadap pembelajaran bahasa itu sendiri.

Selain itu, melalui hasil kajian oleh Lukmani (1972) ke atas 60 orang pelajar perempuan dari penutur Marathi yang mempelajari bahasa Inggeris di sekolah tinggi Bombay, India menunjukkan wujud hubungan yang signifikan di antara motivasi instrumental dengan pencapaian bahasa Inggeris ($p < .001$, $r = .411$). Pelajar yang bermotivasi instrumental dikatakan memperolehi pencapaian bahasa Inggeris yang baik.

Dari penyelidikan Gardner, Lalonde dan Moorcroft (1985) yang menumpukan kepada peranan sikap dan motivasi ke atas pembelajaran perbendaharaan kata bahasa Perancis di Kanada oleh 170 orang pelajar melaporkan bahawa, orientasi integratif dan motivasi (keinginan untuk mempelajari bahasa Perancis dan sikap terhadap pembelajaran bahasa Perancis) adalah berkorelasi dengan pencapaian bahasa pelajar. Pelajar yang berorientasi integratif yang tinggi cepat memperolehi bahasa yang dipelajari berbanding yang rendah orientasinya.

Manakala, Ravid (1987) yang mengkaji korelasi di antara sikap pelajar terhadap bahasa Hebrew dengan pencapaian, mendapati wujud korelasi yang signifikan di antara

sikap dan pencapaian ($p < 0.01$, $r = 0.20$). Responden terdiri daripada 217 pelajar sekolah di tahun tiga dan empat di Chicago yang mempelajari bahasa Hebrew.

Belmechri dan Hummel (1998) mendapati melalui hasil penyelidikan mereka ke atas 93 orang pelajar yang mempelajari bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua di gred 11 yang berumur di antara 15-19 tahun di Québec, Kanada, bahawa orientasi integratif adalah berkorelasi yang negatif dengan kecekapan bahasa pelajar. Dari hasil soal selidik mereka menunjukkan pelajar memiliki tahap motivasi (kesungguhan motivasi dan keinginan untuk mempelajari bahasa) yang tinggi dan positif.

Penyelidikan Cortés (2002) ke atas 209 orang pelajar bagi menilai sikap pelajar sekolah rendah dan pertengahan di San Francisco terhadap pembelajaran bahasa asing melaporkan bahawa pelajar-pelajar yang menguasai bahasa lain selain bahasa Inggeris di rumah menunjukkan sikap yang positif terhadap bahasa Inggeris dan memperolehi sokongan yang tinggi dari ibu bapa terhadap pembelajaran bahasa asing.

Dalam kajian Masgoret dan Gardner (2003) pula menunjukkan wujudnya korelasi yang positif di antara lima pembolehubah sikap dan motivasi dari model '*socio-educational*' oleh Gardner (1985) iaitu '*integrativeness*', sikap terhadap situasi pembelajaran, motivasi, orientasi integratif dan orientasi instrumental dengan pencapaian bahasa. Didapati korelasi di antara pencapaian dan motivasi adalah paling tinggi berbanding pembolehubah lain. Orientasi integratif juga dikatakan membantu kepada kejayaan pemerolehan bahasa kedua.

Melalui hasil kajian Konig (2006) ke atas 39 orang pelajar dari pelbagai universiti di Ankara, Turki mendapati motivasi untuk mempelajari bahasa kedua adalah tinggi. Responden mengatakan mereka seronok mempelajari bahasa asing, ingin menggunakannya di dalam dan di luar kelas dan bercadang untuk meneruskan pembelajaran bahasa asing ke tahap yang lebih tinggi. Tujuan kajian beliau ialah bagi mengenalpasti sikap dan motivasi pelajar yang mempelajari bahasa asing di Turki.

Dari analisis statistik kajian, Liu (2007) melaporkan pelajar Cina di tahun tiga yang menuntut di Universiti Xia'men, China adalah bersikap positif terhadap pembelajaran bahasa Inggeris dan bermotivasi tinggi untuk mempelajari bahasa. Beliau mengatakan, mungkin disebabkan kepesatan pembangunan ekonomi di China pada hari ini maka, menyebabkan permintaan yang tinggi ke atas graduan universiti yang memiliki kecekapan bahasa Inggeris yang tinggi dalam pelbagai bidang seperti pendidikan, perniagaan, pemasaran dan sains dan teknologi (ms. 139). Maka, dorongan ini menjadikan pelajar lebih bersikap positif dan bermotivasi tinggi untuk mempelajari bahasa Inggeris kerana ia memberikan manfaat kepada mereka. Dapatan beliau juga melaporkan sikap, orientasi instrumental dan motivasi adalah berkorelasi secara positif dengan kecekapan bahasa Inggeris.

Banyak kajian yang menyokong pandangan Gardner tentang kewujudan hubungan yang signifikan di antara sikap dan motivasi dengan pencapaian bahasa kedua. Walaubagaimanapun, dari hasil penelitian pengkaji terdapat kajian yang menunjukkan pembolehubah orientasi tidak mempengaruhi atau tiada kaitan langsung dengan pencapaian bahasa pelajar dan tahap motivasi mereka tidak begitu konsisten atau tidak jelas. Di antaranya ialah hasil kajian oleh Kato, Yasumoto dan Van Aacken (2007), yang membuat penyelidikan ke atas motivasi 1,227 pelajar yang mempelajari bahasa Jepun di empat buah universiti di luar negara iaitu tiga di Australia dan satu di Amerika. Beliau melaporkan bahawa tahap motivasi pelajar tersebut adalah pelbagai berdasarkan kepada tahap bahasa Jepun yang diikuti dan universiti yang dituntut. Dapatan juga menunjukkan kedua-dua orientasi iaitu integratif dan instrumental tidak ada kaitan langsung dengan pencapaian bahasa mereka. Walaubagaimanapun, item motivasi dipaparkan lebih mempengaruhi pencapaian bahasa Jepun pelajar seperti 'saya amat gembira mempelajari bahasa Jepun' dan 'saya berusaha dengan gigih untuk mempelajari bahasa Jepun'.

Penyelidikan bagi mengeksplorasi perspektif sikap, motivasi dan pencapaian di dalam bahasa kedua juga tidak ketinggalan memberikan impak minat para cendekiawan di Malaysia. Kajian tersebut bermula dari peringkat sekolah sehingga ke peringkat pengajian tinggi. Di antaranya ialah kajian oleh Subramaniam (1976) tentang sikap pelajar terhadap pembelajaran bahasa Inggeris di Malaysia. Hasil dapatan menggambarkan bahawa subjek dari sekolah bandar memiliki lebih sikap positif terhadap pembelajaran bahasa Inggeris berbanding dari sekolah luar bandar. Beliau juga mendapati wujud hubungan yang signifikan di antara sikap positif terhadap pembelajaran bahasa Inggeris dan pelakuan bahasa.

Melalui hasil kajian oleh Adnan @ Nan Kamis (1980) di sebuah sekolah menengah kebangsaan di Selangor menunjukkan, sikap pelajar adalah positif terhadap mata pelajaran bahasa Inggeris dan sikap mereka mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian pelajar di dalam peperiksaan SRP pada tahun 1978. Pelajar juga menunjukkan tahap motivasi yang tinggi ketika mempelajari bahasa Inggeris.

Selain itu, melalui kajian oleh Kamsiah (1984) ke atas sikap dan motivasi pelajar Melayu di sekolah menengah di Singapura terhadap bahasa Inggeris menunjukkan sikap dan motivasi responden terhadap bahasa Inggeris adalah positif. Sikap dan motivasi responden juga dilaporkan memiliki hubungan yang signifikan dengan tahap pencapaian kefasihan bahasa Inggeris.

Di samping itu, melalui penyelidikan Haniza (2003) pula melaporkan, sikap dan tahap motivasi pelajar terhadap bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar adalah sederhana. Manakala, tahap minat, kehendak dan kerisauan adalah sederhana. Kajian beliau dijalankan ke atas 150 pelajar dari semester tiga dan empat di sebuah IPTS teknikal di Kuala Lumpur. Analisis korelasi menunjukkan wujud hubungan di antara sikap dan motivasi dengan pencapaian peperiksaan bahasa Inggeris dan pencapaian akademik keseluruhan.

Sementara itu, Choy dan Troudi (2006) menjalankan kajian terhadap seratus orang pelajar yang menuntut di sebuah kolej di utara Malaysia tentang sikap terhadap bahasa Inggeris ketika di alam persekolahan dan kolej. Didapati sikap pelajar adalah lebih positif terhadap pembelajaran bahasa Inggeris ketika mereka menuntut di kolej berbanding negatif ketika di alam persekolahan. Berdasarkan kajian mereka, ini adalah disebabkan wujudnya sokongan persekitaran dan penggunaan bahasa Inggeris yang diwajibkan dalam komunikasi dan pembelajaran ketika menuntut di kolej.

Dari penelitian pengkaji, terdapat satu hasil kajian yang bertentangan dengan hasil kajian penyelidik di Malaysia iaitu kajian oleh Ibtisam (1999) ke atas 329 orang pelajar Universiti Islam Antarabangsa (UIA) yang mempelajari bahasa Arab. Beliau melaporkan bahawa, tiada kolerasi wujud antara sikap terhadap bahasa Arab dan pencapaian pelajar dalam kursus bahasa Arab di mana ia sebagai medium pengajaran. Walaubagaimanapun, pelajar menunjukkan sikap yang positif terhadap bahasa Arab.

Zulkifley (1994) berpandangan sikap pelajar-pelajar Malaysia terhadap penutur bahasa Inggeris khususnya penutur natif bahasa Inggeris adalah berbeza dengan pelajar-pelajar di Barat. Ini disebabkan wujudnya perbezaan agama dan nilai budaya. Faktor inilah yang menimbulkan sikap negatif pelajar daripada semua etnik kerana kesemua bangsa di Malaysia berbudaya timur dan penutur bahasa Inggeris berbudaya Barat (ms. 79). Oleh itu, nilai-nilai budaya timur dan barat adalah amat berbeza. Beliau juga menyimpulkan bahawa, sikap negatif terhadap bahasa boleh menghalang kepada tahap pencapaian bahasa yang diinginkan (ms. 79).

Oleh yang demikian, di dalam penyelidikan ini, pengkaji akan menentukan dan menggambarkan hubungan di antara orientasi dan motivasi responden dengan pencapaian bahasa Sepanyol mereka iaitu sama ada menunjukkan korelasi atau sebaliknya. Ia juga dapat memperlihatkan sama ada individu yang berorientasi yang positif dan bermotivasi yang tinggi memperolehi tahap pencapaian bahasa yang tinggi

atau sebaliknya. Hasil kajian ini dapat memperkembangkan dan menambahbaik hasil penyelidikan yang sedia ada iaitu dari perspektif sikap dan motivasi di kalangan pelajar yang mempelajari bahasa asing di Malaysia seperti bahasa Arab dan Jepun. Melalui penelitian pengkaji, kajian tentang hubungan orientasi dan motivasi dengan pencapaian bahasa Sepanyol iaitu salah satu bahasa Eropah tidak diberi perhatian sebelum ini. Maka, pengkaji berusaha untuk mencari jawapan terhadap hubungan ini. Kajian tentang sikap, motivasi dan pencapaian di dalam bahasa kedua merupakan salah satu bidang yang popular bagi para penyelidik di seantaro dunia sehingga ke hari ini. Wujud kajian yang menunjukkan persamaan dan pertentangan dengan hasil kajian Gardner. Sikap dan motivasi individu terhadap aspek yang terkandung di dalam pembelajaran bahasa kedua akan menentukan tahap pencapaian bahasa yang diinginkan oleh pelajar. Oleh itu, tahap sikap dan motivasi itu adalah bergantung kepada persepsi individu itu terhadap pembelajaran bahasa kedua.

2.7 Kesimpulan

Pengkaji akan menggunakan pandangan dan model '*Socio-Educational*' oleh Gardner (1985) sebagai asas kepada penyelidikan ini. Kajian ini adalah berkenaan orientasi dan motivasi pelajar terhadap pembelajaran bahasa Sepanyol, maka pengertian kedua-dua konsep tersebut telah diperjelaskan. Hubungan sikap, motivasi dan pencapaian bahasa kedua juga telah diperbincangkan. Kedua-dua jenis orientasi iaitu integratif dan instrumental merupakan faktor penyumbang kepada kejayaan di dalam pembelajaran bahasa kedua. Namun begitu, yang mana lebih utama dan penting adalah berbeza dari satu konteks ke satu konteks. Pelajar yang berada di dalam konteks berlainan mungkin bermotivasi untuk mempelajari bahasa kedua dengan orientasi yang berlainan.